

K&K Pest Control rancang francais

Syarikat sasar 25 rangkaian di seluruh negara

B.H 23/06/08 M/S 23

Oleh Zuraidah Mohamed

KAMAL & Kamal Pest Control Sdn Bhd (K&K Pest Control), penyedia perkhidmatan kawalan serangga dan makhluk perosak, merancang meluaskan operasinya di dalam dan luar negara menerusi sistem francais.

Pengarah Urusannya, Hussein Kamal Omar, berkata syarikat itu menasaskan untuk mewujudkan sekurang-kurangnya 25 rangkaian francais K&K Pest Control di seluruh negara menjelang 2009.

Beliau berkata, setakat ini syarikat itu mempunyai tiga cawangan di Ampang, Kuala Lumpur; Shah Alam dan Ipoh, Perak yang disokong lebih 400 kakitangan.

"K&K Pest Control sudah lebih 20 tahun dalam industri pengawalan serangga. Kami melihat industri ini mampu untuk terus berkembang.

"Menerusi konsep francais, kami menasaskan melahirkan lebih ramai usahawan, terutama di kalangan Bumiputera. Tahun ini saja, kami menasaskan melahirkan 15 francais," katanya ketika ditemui di Ampang, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Hussein berkata, pihaknya sudah menerima 11 permohonan bagi menjalankan perniagaan francais K&K Pest Control dan mereka yang me-

nepati kriteria perlu menjalani latihan, selain menduduki peperiksaan Lembaga Racun Makhluk Perosak.

Beliau berkata, latihan yang diberikan kepada usahawan termasuk aspek pentadbiran dan pengurusan, sumber manusia, pemasaran dan perkhidmatan teknik selama sebulan di cawangan Kuala Lumpur dan Shah Alam, katanya.

Katanya, mereka yang berminat menjadi francais K&K Pest Control perlu melabur sekurang-kurangnya RM158,000, termasuk yuran francais RM20,000 untuk tempoh lima tahun selain pengubahsuaian premis, peralatan dan sistem teknologi maklumat, perbelanjaan awal operasi dan deposit untuk pengangkutan.

"Kami menawarkan satu pakej pe-

ngurusan pengawalan serangga lengkap dan bakal memberi kemudahan kepada bakal francais.

"Syarikat hanya mengenakan bayaran satu peratus dan empat peratus masing-masing untuk pengiklanan dan promosi serta royalti untuk setahun," katanya.

Dalam pada itu, katanya, K&K Pest Control turut merancang meluaskan operasinya ke negara Asean khususnya Indonesia, Singapura dan Thailand dalam tempoh dua tahun lagi, juga menerusi sistem francais.

Katanya, pengembangan itu akan disokong pengiktirafan ISO 9000:2000 daripada Sirim QAS dan United Kingdom Accreditation Standards (UKAS) yang diterima syarikat itu sejak tiga tahun lalu.

"Setakat ini, hanya cawangan di Shah Alam dan Kuala Lumpur yang memperoleh pengiktirafan ini. Menerusi langkah penjenamaan yang dilaksanakan sejak lebih setahun lalu, kami merancang mendapatkan pengiktirafan ini untuk semua cawangan pada masa depan," katanya.

Hussein berkata, syarikat itu membelanjakan kira-kira RM35,000, termasuk RM20,000 menerusi geran Unit Pembangunan Usahawan Mara bagi melakukan penjenamaan semula syarikat merangkumi penggunaan bahan kimia mesra alam.

FAKTA NOMBOR

Jualan K&K Pest Control

RM1.5j

2007

RM2j

Sasaran 2008



LEBAR PERNIAGAAN: Hussein sambil diperhatikan kakitangan menunjukkan peralatan yang digunakan untuk kawalan serangga dan makhluk perosak.